



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63

14hb Mac 2019

No. 6

No. 285.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987
(Akta 333)

ROAD TRANSPORT ACT 1987
(Act 333)

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 70(2)(bb)

NOTICE UNDER SUBSECTION 70(2)(bb)

Majlis Perbandaran Seberang Perai, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, bercadang membuat satu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang mana kesannya adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini.

Bantahan-bantahan terhadap cadangan tersebut di atas mestilah dihantar secara bertulis kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis ini disiarkan.

The Municipal Council of Province Wellesley, after consultation with the Director General for Road Transport, proposes to make an order under subsection 70(2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the effect of which is shown in the Schedule hereto.

Objections to the proposal must be sent in writing to the President, Municipal Council of Province Wellesley within fourteen (14) days from the date of publication of this notice.


JADUAL/SCHEDULE

Jalan yang baginya larangan terpakai/
Road to which prohibition applies

(1)

- (i) Lorong sisi Lorong Industri Cherok To’Kun 1 dari bangunan No. 26 hingga bangunan No. 2801, Taman Industri Cherok To’Kun, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, hendaklah dihadkan kepada jalan sehalu, dengan arah alirannya sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta.
- (ii) Jalan susur Jalan Rozhan dari bangunan No. 2801 hingga bangunan No. 2789, Taman Industri Cherok To’Kun, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, hendaklah dihadkan kepada jalan sehalu, dengan arah alirannya sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta.
- (i) *Side lane of Lorong Industri Cherok To’Kun 1 from building No. 26 until building No. 2801, Taman Industri Cherok To’Kun, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, is to be restricted to a one-way traffic, the direction of flow as shown on the map.*
- (ii) *Service road of Jalan Rozhan from building No. 2801 until building No. 2789, Taman Industri Cherok To’Kun, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, is to be restricted to a one-way traffic, the direction of flow as shown on the map.*

Pelan Lokasi



Bertarikh 4 Disember 2018

Dated 4 December 2018
[MPSP/99/1-4/58 Jil. 7]

DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Pulau Pinang/
President
Municipal Council of Province Wellesley
Penang

No. 286.

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 70(2)(bb)

NOTICE UNDER SUBSECTION 70(2)(bb)

Majlis Perbandaran Seberang Perai, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, bercadang membuat satu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], yang mana kesannya adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual di bawah ini.


Bantahan-bantahan terhadap cadangan tersebut di atas mestilah dihantar secara bertulis kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis ini disiarkan.

The Municipal Council of Province Wellesley, after consultation with the Director General for Road Transport, proposes to make an order under subsection 70(2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the effect of which is shown in the Schedule hereto.

Objections to the proposal must be sent in writing to the President, Municipal Council of Province Wellesley within fourteen (14) days from the date of publication of this notice.

JADUAL/SCHEDULE

- (i) Lorong belakang dan lorong sisi dari bangunan No. 489 hingga bangunan No. 493 di Jalan Susur Jalan Permatang Rawa, Kawasan Perniagaan Permatang Rawa, Seberang Perai Tengah dihadkan kepada jalan sehalu dengan arah alirannya sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta.
- (i) *Backlane and sidelane from building No. 489 until building No. 493 at service road of Jalan Permatang Rawa, Kawasan Perniagaan Permatang Rawa, Seberang Perai Tengah is to be restricted to a one-way traffic, the direction of flow as shown on the map.*



Bertarikh 21 Disember 2018

Dated 21 December 2018
[MPSP/99/1-4/58 Jld. 7]

DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Pulau Pinang/
President
Municipal Council of Province Wellesley
Penang

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957
(*Akta 61*)

FINANCIAL PROCEDURE ACT 1957
(*Act 61*)

ARAHAN PERBENDAHARAAN
TREASURY INSTRUCTIONS

No. 287.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH ARAHAN 162

NOTIFICATION UNDER INSTRUCTION 162

MENURUT arahan 162 Arahan Perbendaharaan, adalah diberitahu bahawa orang yang dinamakan dalam ruang (3) Jadual diminta menuntut kembali deposit mereka yang masih tidak dituntut selama lebih daripada dua belas bulan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah sebanyak yang dinyatakan dalam ruang (7) Jadual. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan kepada Hasil Kerajaan Negeri.

PURSUANT to instruction 162 of the Treasury Instructions, it is notified that the persons named in column (3) of the Schedule are requested to claim their deposits which have remained unclaimed for more than twelve months from the Land and District Office Seberang Perai Tengah for the amount specified in column (7) of the Schedule. If the deposits are not claimed within a period of three months from the date of publication of this notification, such deposits will be credited to the State Government Revenue.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Bil.	Kod Akaun Deposit	Nama Pendeposit	Nombor Resit/ Tarikh	Nombor Penyata Pemungut/ Tarikh	Tarikh Deposit Patut Dipulangkan	Jumlah
<i>No.</i>	<i>Deposit Account Code</i>	<i>Name of Depositor</i>	<i>Receipt Number/ Date</i>	<i>Depositor Statement Number/ Date</i>	<i>Date that Deposit Should Be Returned</i>	<i>Amount</i>
						(RM)
1.	71206	Quah Sin Kheng	396836/ 14-8-1967	—	13-8-1968	1,000.00
2.	71206	Quah Sin Kheng	305683/ 11-6-1960	—	10-6-1961	1,000.00
3.	71206	Saw Chong Teok Co. Ltd	5530/ 12-12-90	—	11-12-91	5,000.00

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

14hb Mac 2019]

303

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Bil.	Kod Akaun Deposit	Nama Pendeposit	Nombor Resit/ Tarikh	Nombor Penyata Pemungut/ Tarikh	Tarikh Deposit Patut Dipulangkan	Jumlah
<i>No.</i>	<i>Deposit Account Code</i>	<i>Name of Depositor</i>	<i>Receipt Number/ Date</i>	<i>Depositor Statement Number/ Date</i>	<i>Date that Deposit Should Be Returned</i>	<i>Amount</i>
						(RM)
4.	71206	Teik Granite Quarry	401282/ 27-8-66 398253/ 6-12-1967	—	26-8-67 5-12-1968	1,500.00
5.	71206	Weng Lee Granite Quarry	386422/ 10-3-1967	—	9-3-1968	500.00
6.	71206	Syarikat Berkat Sdn. Bhd.	2312/ 21-10-1981	—	20-10-1982	5,000.00
7.	71206	M/s Tar San Quarry	2853/ 6-1-81 6268/ 17-4-1981	—	5-1-82 16-4-1982	10,000.00
8.	71206	Syarikat Nam Heng Bros. Trading Sdn. Bhd.	1084/ 28-10-1982	—	27-10-1983	1,000.00
9.	71206	Syarikat Koperasi Gabongan Negeri P. Pinang	1908/ 2-3-1983	—	1-3-1984	5,000.00
10.	71206	Jusoh bin Md. Noh	3350/ 3-8-1992	—	2-8-1993	322.20
11.	71206	Syarikat Boon Sun Seraksi Sdn. Bhd.	4268/ 20-3-1993	—	19-3-1994	218.67
12.	71206	Kuad Sdn. Bhd.	8505/ 23-1-1991	—	22-1-1992	5,000.00
13.	71206	Tar San Quarry Sdn. Bhd.	38111/ 22-7-93 8351/ 31-10-93	—	21-7-1994 30-10-1994	28,255.30
14.	71206	Syarikat Berkat Sdn. Bhd.	3233/ 9-7-1993	—	8-7-1994	3,778.19
15.	71206	Sitt Tatt Industries Cases Sdn. Bhd.	6254/ 13-10-1992	—	12-10-1993	6,000.00
16.	71206	Palmco Jaya Sdn. Bhd.	9873/ 30-1-1993	—	29-1-1994	1,000.00

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

304

[14hb Mac 2019]

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Bil.	Kod Akaun Deposit	Nama Pendeposit	Nombor Resit/ Tarikh	Nombor Penyata Pemungut/ Tarikh	Tarikh Deposit Patut Dipulangkan	Jumlah
<i>No.</i>	<i>Deposit Account Code</i>	<i>Name of Depositor</i>	<i>Receipt Number/ Date</i>	<i>Depositor Statement Number/ Date</i>	<i>Date that Deposit Should Be Returned</i>	<i>Amount</i>
						(RM)
17.	71206	Kuad Sdn. Bhd.	2532/ 1-3-1993	—	28-2-1994	5,000.00
18.	71206	Harun bin Haji Mohamad	9796/ 15-4-93	—	14-4-1994	2,000.00
19.	71206	Ng Kim Seng @ Ng Ching Seng	7475/ 7-3-1994	—	6-3-1995	1,000.00
20.	71206	Coinin Corporation (M) Sdn. Bhd.	7122/ 10-5-1994	—	9-5-1995	1,000.00
21.	71206	Jopami Sdn. Bhd.	5955/ 12-7-1994	—	11-7-1995	50,000.00
22.	71206	Gardenia Island Sdn. Bhd.	7531/ 6-5-98	—	5-5-99	1,000.00
23.	71206	Indra a/p Thiruagoden	6476/ 18-2-99 9059/ 23-2-99	—	17-2-2000 22-2-2000	3,000.00
24.	71206	Sareka Jaya Sdn. Bhd.	7658/ 16-8-99	—	15-8-2000	1,000.00
25.	71206	Implus Industries Sdn. Bhd.	7828/ 16-8-99	—	15-8-2000	936.00
26.	71206	Haji Yusuf bin Sudin	8171/ 24-8-99	—	23-8-2000	4,368.00
27.	71206	Sutleger a/l Ramachandran	5056/ 10-2-2000	—	9-2-2001	940.00
28.	71206	Koperasi Peserta Rancangan Felcra	1635/ 4-2-2000	—	3-2-2001	1,000.00
29.	71206	Suneka Sdn. Bhd.	7209/ 20-11-2000	—	19-11-2001	60.00
					Jumlah	145,848.36

Bertarikh
Dated

NOR EMYZURA BINTI AHMAD TAMIZI
Penolong Pentadbir Tanah
Seberang Perai Tengah
Bukit Mertajam
Pulau Pinang

No. 288.

ENAKMEN SETIAUSAHA KERAJAAN, PULAU PINANG
(PEMERBADANAN) 1988

*STATE SECRETARY, PENANG (INCORPORATION)
ENACTMENT 1988*

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 5(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 5(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 5(1)(b) Enakmen Setiausaha Kerajaan, Pulau Pinang (Pemerbadanan) 1988 [Enakmen 12], Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang melantik pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual yang memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) untuk menandatangani apa-apa surat ikatan, dokumen atau surat cara lain untuk tujuan Enakmen.

In exercise of the powers conferred by paragraph 5(1)(b) of the State Secretary, Penang (Incorporation) Enactment 1988 [Enactment 12], the Penang State Secretary appoints the officers named in column (1) of the Schedule who hold the posts specified in column (2) to execute any deed, document or other instrument for the purpose of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Nama/Name	Jawatan/Post
Dato' Azhar bin Haji Arshad	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Maheswari a/p Malayandy	Setiausaha Bahagian Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
'Ainul Fadhillah binti Samsudi	Ketua Penolong Setiausaha (Kanan) Bahagian Perumahan

Pembatalan pelantikan

2. Pelantikan Dr. Mohamad Farazi bin Johari, Zepri bin Saad dan Akhmal bin Abu Basar sebagaimana yang telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* No. 25 pada 19 Januari 2017 adalah dibatalkan.

Revocation of appointment

2. The appointment of Dr. Mohamad Farazi bin Johari, Zepri bin Saad and Akhmal bin Abu Basar as published in the [*Gazette*] of the State Government of Penang No. 25 on 19 January 2017 is revoked.

Bertarikh 31 Januari 2019

Dated 31 January 2019

[PSUKPP/19/1101/1 Klt. 2(40); PUNPP(R) 352/100/1/2/EA/26]

DATO' SERI FARIZAN BIN DARUS
*Setiausaha Kerajaan Negeri
Pulau Pinang/
State Secretary
Penang*

No. 289.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI PENGGUNAAN ASID TARTARIK DALAM
INDUSTRI MAKANAN HALAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 telah membincangkan mengenai isu Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) asid tartarik yang menggunakan *wine-lees* adalah haram kerana—
 - (a) ia terhasil daripada proses pemeraman arak yang telah sempurna dan bukannya sebelum menjadi arak; dan
 - (b) *istihalah* yang berlaku secara semulajadi daripada arak adalah dibenarkan tetapi proses nyah alkohol secara penyulingan *wine-less* tidak berlaku secara semulajadi dan tidak dibenarkan.
- (ii) asid tartarik yang bukan berasal daripada *wine-less* adalah dibenarkan.

Bertarikh 20 Disember 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(33); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
*Mufti Kerajaan Negeri
Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [Enactment 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the Fatwa Committee for the State of Penang, makes the fatwa as set out in the Schedule.

SCHEDULE

FATWA MENGENAI PENGGUNAAN ASID TARTARIK DALAM
INDUSTRI MAKANAN HALAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 telah membincangkan mengenai isu Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) asid tartarik yang menggunakan wine-lees adalah haram kerana—*
 - (a) ia terhasil daripada proses pemeraman arak yang telah sempurna dan bukannya sebelum menjadi arak; dan*
 - (b) istilahah yang berlaku secara semulajadi daripada arak adalah dibenarkan tetapi proses nyah alkohol secara penyulingan wine-less tidak berlaku secara semulajadi dan tidak dibenarkan.*
- (ii) asid tartarik yang bukan berasal daripada wine-less adalah dibenarkan.*

Made 20 December 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 JLD. 5]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Mufti State Government
Penang

اینکمن فتنبیرن اکام اسلام

(نکري فولو فينغ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

قد منجانكن كواس يڭ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن فتنبيرن اكام اسلام (نکري فولو فينغ) [اینکمن 2]، اتس فر كنن يڭ دفرتوان اڭوڭ، جاوتنكواس فتوى نكري فولو فينغ، ممبوات فتوى يڭ دپاتانك دالم جدوال.

جدوال

فتوى مغنايي فغكونان اسيد تر تاريق دالم ايندستري ماكنن حلال

مشوارت جاواتنكواس فتوى نكري فولو فينغ بيلاغ 2017/5 تله ممبنيڭن مغنايي ايسو فغكونان اسيد تارتاريق دالم ايندستري ماكنن حلال دان مومتوسكن سفتري يڭ بريكوت:

i. اسيد تارتاريق يڭ مڭكونان *wine less* اداله حرام کران -


(a) اي تر حصيل درقد فروسيس قمرمن ارق يڭ تله سمفورنا دان بوكنن سيلوم منجادي ارق؛ دان

(b) استحاله يڭ برلاكو سچارا سمولاجادي درقد ارق اداله دبئرکن تتافي فروسيس په الكوهول سچارا فيوليغن تيدق برلاكو سچارا سمولاجادي دان تيدق دبئرکن.

ii. اسيد تارتاريق يڭ بوكن بر اصل درقد *wine less* اداله دبئرکن.

دبوات 20 ديسيمبر 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002 (33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.5]



داتوء سري دكتور وان سالم بن وان محمد نور

مفتي

کراچاءن نکري فولو فينغ

No. 290.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI PENJUALAN PRODUK MENGGUNAKAN AYAT
RUQYAH (AYAT AL-QURAN) UNTUK TUJUAN KOMERSIAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 telah membincangkan mengenai isu Penjualan Produk Menggunakan Ayat *Ruqyah* (Ayat Al-Quran) Untuk Tujuan Komersial dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) Setelah meneliti fatwa-fatwa, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat menegaskan bahawa Islam tidak menafikan penggunaan *ruqyah* dan Rasulullah SAW menyebutkan bahawa sebaik-baik ubat ialah ayat-ayat al-Quran dan Baginda membolehkan untuk *meruqyah* selama mana tidak berlaku syirik.
- (ii) Berdasarkan dapatan kajian yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa isu produk yang dilabelkan sebagai ‘makanan sunnah’ dan minuman/ minuman yang *diruqyah*kan dengan ayat al-Quran serta zikir semakin berleluasa dan menjadi pelan pemasaran pengusaha produk-produk makanan dan barangan di Negara ini. Ia telah menjadi kaedah untuk melariskan produk bersandarkan perkataan ‘makanan sunnah’ dan *ruqyah*.
- (iii) Sehubungan dengan itu, sebagai *Sadd az-Zarai*’ kepada unsur-unsur penipuan dan penyalahgunaan ayat-ayat al-Quran untuk tujuan komersial, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa penggunaan *ruqyah* dan istilah ‘makanan sunnah’ secara tidak bertanggungjawab untuk tujuan mengaut keuntungan dan melariskan produk perlu dihentikan kerana dibimbangi ia termasuk dalam perbuatan memperdagangkan ayat-ayat al-Quran yang ditegah oleh ajaran Islam.
- (iv) Oleh hal yang demikian, mesyuarat menggesa supaya perbuatan tersebut ditangani segera supaya istilah ‘makanan sunnah’ ini tidak difahami oleh masyarakat dalam konteks yang tidak tepat dan penggunaan *ruqyah* tidak disalahgunakan sehingga mengugat akidah sekiranya masyarakat menyakini keberkesanan *ruqyah* pada sesuatu produk tersebut mengatasi usaha dan ikhtiar serta kekuasaan Allah SWT.
- (v) Mesyuarat juga bersetuju memutuskan supaya penggunaan *ruqyah* pada sesuatu produk untuk tujuan komersial tidak dibenarkan sama ada untuk tujuan pelabelan, pengiklanan atau promosi.

Bertarikh 20 Disember 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO’ SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
*Mufti Kerajaan Negeri
Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [Enactment 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the Fatwa Committee for the State of Penang, makes the fatwa as set out in the Schedule.

SCHEDULE

FATWA MENGENAI PENJUALAN PRODUK MENGGUNAKAN AYAT
RUQYAH (AYAT AL-QURAN) UNTUK TUJUAN KOMERSIAL

Mesyyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 telah membincangkan mengenai isu Penjualan Produk Menggunakan Ayat Ruqyah (Ayat Al-Quran) Untuk Tujuan Komersial dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) Setelah meneliti fatwa-fatwa, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyyuarat menegaskan bahawa Islam tidak menafikan penggunaan ruqyah dan Rasulullah SAW menyebutkan bahawa sebaik-baik ubat ialah ayat-ayat al-Quran dan Baginda membolehkan untuk meruqyah selama mana tidak berlaku syirik.*
- (ii) Berdasarkan dapatan kajian yang dikemukakan, mesyyuarat mendapati bahawa isu produk yang dilabelkan sebagai ‘makanan sunnah’ dan makanan/minuman yang diruqyahkan dengan ayat al-Quran serta zikir semakin berleluasa dan menjadi pelan pemasaran pengusaha produk-produk makanan dan barangan di Negara ini. Ia telah menjadi kaedah untuk melariskan produk bersandarkan perkataan ‘makanan sunnah’ dan ruqyah.*
- (iii) Sehubungan dengan itu, sebagai Sadd az-Zarai’ kepada unsur-unsur penipuan dan penyalahgunaan ayat-ayat al-Quran untuk tujuan komersial, mesyyuarat bersetuju memutuskan bahawa penggunaan ruqyah dan istilah ‘makanan sunnah’ secara tidak bertanggungjawab untuk tujuan mengaut keuntungan dan melariskan produk perlu dihentikan kerana dibimbangi ia termasuk dalam perbuatan memperdagangkan ayat-ayat al-Quran yang ditegah oleh ajaran Islam.*
- (iv) Oleh hal yang demikian, mesyyuarat menggesa supaya perbuatan tersebut ditangani segera supaya istilah ‘makanan sunnah’ ini tidak difahami oleh masyarakat dalam konteks yang tidak tepat dan penggunaan ruqyah tidak disalahgunakan sehingga mengugut akidah sekiranya masyarakat menyakini keberkesanan ruqyah pada sesuatu produk tersebut mengatasi usaha dan ikhtiar serta kekuasaan Allah SWT.*
- (v) Mesyyuarat juga bersetuju memutuskan supaya penggunaan ruqyah pada sesuatu produk untuk tujuan komersial tidak dibenarkan sama ada untuk tujuan pelabelan, pengiklanan atau promosi.*

Made 20 December 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO’ SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Mufti State Government
Penang

اينكمين قنندبيرن اكام اسلام

(نكري قولاو فينغ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

قد منجانلكن كواس يڠ دبيريكن اوليه سيكشن 48 اينكمين قنندبيرن اكام اسلام (نكري قولاو فينغ) [اينكمين 2]، اتس قر كنن يڠ دفتروان اكوغ، جاوتنكواس فتوى نكري قولاو فينغ، ممبوات فتوى يڠ دياتاكن دالم جدوال.

جدوال


فتوى مغناي شجوالن فرودوك مغكوناكن ايات رقية (اية القراءن) اونتوق توجوان كومرسيال

مشوارت جاواتنكواس فتوى نكري قولاو فينغ بيلان 2017/5 تله ممبجفكن مغناي ايسو شجوالن فرودوك مغكوناكن ايات رقية (اية القراءن) اونتوق توجوان كومرسيال دان مموتوسكن سقرتي يڠ بريكوت:

- i. سنله مناييتي فكتا - فكتا، حجه - حجه دان قندغن يڠ دكموكاكن، مشوارت منكسكن بهاوا اسلام تيدق منافيكين فغكوناكن رقية دان رسول الله ﷺ ميبوتكن بهاوا سباءيق - بابيق اوبت ايباله اية - اية القراءن دان بگيندا ممبوليهكن اونتوق مرقية سلاما مان تيدق برلاكو شيريك.
- ii. برداسركن دافتن كاجين يڠ دكموكاكن، مشوارت منداقتي بهاوا ايسو فرودوك يڠ دلابلكن سباكاي ماكنن سنة ' دان ماكنن / مينومن يڠ درقيهكن دغن اية القراءن سرتا ذيكير سمكين برللواسا دان منجادي قلن فماسرن فغوسها فرودوك - فرودوك ماكنن دان بارغن دنڠارا اين. اي تله منجادي قاعده اونتوق ملاريسكن فرودوك برسندرکن فرکاتان ماكنن سنة ' دان رقية.
- iii. سهوبوغن دغن ايت، سباكاي 'سد الذرائع' كقد عنصر - عنصر قنيقوان دان قبالهكونان اية - اية القراءن اونتوق توجوان كومرسيال، مشوارت برستوجو مموتوسكن بهاوا فغكوناكن رقية دان ايسنيله ماكنن سنة ' سچارا تيدق برتغوغجواب اونتوق توجوان مغناوت كاونتوغن دان ملاريسكن فرودوك قرو دهنتيكن کران ديبمغي اي ترماسوق دالم قريواتن ممقرداگفكن اية - اية القراءن يڠ دنکه اوليه اجرن اسلام.
- iv. اوليه حال دمكين، مشوارت مغسا سواقيا قريواتن ترسبوت دتاغني سگرا سواقيا استيله ماكنن سنة ' اين تيدق دفهمي اوليه مشاركت دالم كونتيكس يڠ تيدق نقت، دان فغكوناكن رقية تيدق دسالهكوناكن سهيغفك مغكوكت عقيدة سكيراش مشاركت ميقيني كبركسنن رقية قد سسواتو فرودوك ترسبوت مغتاسي اوسها دان اختيار سرتا ككواساكن الله سبحانه وتعالى.
- v. مشوارت جوك برستوجو مموتوسكن سقايا فغكوناكن رقية قد سسواتو فرودوك اونتوق توجوان كومرسيال تيدق دبزنكن سما اد اونتوق توجوان قلابلن، قغيعلانن اتاو قروموسي.

دبوات 20 ديسيمبر 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002 (33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld 5]



داتوء سري دكتور وان سالم بن وان محمد نور

مفتي

كراجاان نكري قولاو فينغ

No. 291.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI PENERBITAN TERJEMAHAN AL-QURAN
TANPA TEKS AL-QURAN

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 telah membincangkan mengenai isu Penerbitan Terjemahan Al-Quran Tanpa Teks Al-Quran dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) terjemahan makna ayat-ayat al-Quran dalam penulisan seperti buku agama, akhbar, jurnal, majalah, dan seumpamanya tanpa disertakan bersama teks asal al-Quran dalam Bahasa Arab adalah diharuskan. Terjemahan tersebut adalah satu bentuk penafsiran makna ayat-ayat dalam al-Quran, dan penafsiran ayat-ayat al-Quran adalah diharuskan secara kesepakatan ulama;
- (ii) terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk seperti ini juga adalah sebagai keterangan dan penghujahan terhadap apa yang terkandung di dalam penulisan, dan bukannya termasuk ia adalah kalam Allah yang dibaca. Justeru, tidak ada halangan dari sudut syarak untuk membawa terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam penulisan tanpa disertakan teks asal ayat al-Quran;
- (iii) walau bagaimanapun adalah lebih digalakkan untuk menyertakan sekali teks asal al-Quran yang dalam Bahasa Arab kecuali jika dibimbangi ia akan mencemarkan kemuliaan dan kesucian ayat-ayat al-Quran, seperti penulisan di dalam buku-buku agama, surat khabar, jurnal, majalah atau seumpama dengannya;
- (iv) manakala penerbitan dan pengedaran terjemahan al-Quran tanpa teks asal al-Quran, mesyuarat telah meneliti hujah-hujah dan pandangan seperti berikut:

- (a) dalam kitab *Manahil al-'Irfan* dinyatakan:

يجب عند ترجمة القرآن بهذا المعنى إلى أية لغة أن تكتب الآيات القرآنية

Maksudnya: “*Dalam penterjemahan al-Quran dengan pengertian ini (terjemah makna/tafsir) ke dalam apa jua bahasa, wajib ditulis ayat-ayat al-Quran*” (al-Zurqani, t.t.: 2/134);

- (b) dalam kitab *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*, pengarangnya menyebut bahawa antara syarat-syarat penterjemahan al-Quran ialah:

أن يكتب القرآن أولاً، ثم يؤتى بعده بتفسيره، ثم يتبع هذا بترجمته التفسيرية

Maksudnya: “Hendaklah ditulis *al-Quran* terlebih dahulu, kemudian dibawakan tafsirannya, kemudian diikuti dengan terjemahannya secara tafsir” (Muhammad Hussain al-Zahabi, t.t.: 1/24);

- (c) kewujudan suatu buku terjemahan al-Quran tanpa teks asal al-Quran akan membawa kepada anggapan bahawa buku tersebut adalah al-Quran yang merupakan kalam Allah, tetapi dalam Bahasa Arab dan bersifat maksum iaitu terpelihara daripada segala kekurangan dan kesilapan;
- (d) kewujudan buku terjemahan al-Quran tanpa teks al-Quran boleh membawa fahaman kepada orang awam bahawa membaca buku terjemahan al-Quran tersebut sebagai bacaan seperti membaca al-Quran. Sedangkan membaca al-Quran selain Bahasa Arab adalah tidak dibenarkan.

Al-Nawawi menyebut:

مَذْهَبُنَا أَنَّهُ لَا يَجُوزُ قِرَاءَةُ الْقُرْآنِ بِغَيْرِ لِسَانِ الْعَرَبِ سَوَاءً أُمِنَ كُنْهُ الْعَرَبِيَّةِ أَوْ عَجَزَ عَنْهَا وَسَوَاءً كَانَ فِي الصَّلَاةِ أَوْ غَيْرِهَا

Maksudnya: “Dalam mazhab kita (*Shafi’i*) tidak harus membaca *al-Quran* dalam bahasa selain Bahasa Arab, sama ada seseorang itu mampu berbahasa Arab atau tidak mampu, dan sama ada di dalam sembahyang atau pun di luar sembahyang” (*Al-Nawawi*, t.t.: 3/379);

- (e) membaca terjemahan al-Quran tanpa disertakan dengan teks asal al-Quran akan mendorong masyarakat awam meninggalkan daripada membaca teks asal al-Quran.
- (v) sehubungan dengan itu, berasaskan kepada pertimbangan antara *masalah* dan *mafsadah* dalam isu ini, mesyuarat berpandangan sisi *mafsadah* lebih terserlah, maka mesyuarat memutuskan bahawa penerbitan dan pengedaran terjemahan al-Quran tanpa teks asal al-Quran adalah dilarang.

Bertarikh 20 Disember 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO’ SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Mufti Kerajaan Negeri
Pulau Pinang

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [Enactment 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the Fatwa Committee for the State of Penang, makes the fatwa as set out in the Schedule.

SCHEDULE

FATWA MENGENAI PENERBITAN TERJEMAHAN AL-QURAN
TANPA TEKS AL-QURAN

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 telah membincangkan mengenai isu Penerbitan Terjemahan Al-Quran Tanpa Teks Al-Quran dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) terjemahan makna ayat-ayat al-Quran dalam penulisan seperti buku agama, akhbar, jurnal, majalah, dan seumpamanya tanpa disertakan bersama teks asal al-Quran dalam Bahasa Arab adalah diharuskan. Terjemahan tersebut adalah satu bentuk penafsiran makna ayat-ayat dalam al-Quran, dan penafsiran ayat-ayat al-Quran adalah diharuskan secara kesepakatan ulama;*
- (ii) terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk seperti ini juga adalah sebagai keterangan dan penghujahan terhadap apa yang terkandung di dalam penulisan, dan bukannya termasuk ia adalah kalam Allah yang dibaca. Justeru, tidak ada halangan dari sudut syarak untuk membawa terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam penulisan tanpa disertakan teks asal ayat al-Quran;*
- (iii) walau bagaimanapun adalah lebih digalakkan untuk menyertakan sekali teks asal al-Quran yang dalam Bahasa Arab kecuali jika dibimbangi ia akan mencemarkan kemuliaan dan kesucian ayat-ayat al-Quran, seperti penulisan di dalam buku-buku agama, surat khabar, jurnal, majalah atau seumpama dengannya;*
- (iv) manakala penerbitan dan pengedaran terjemahan al-Quran tanpa teks asal al-Quran, mesyuarat telah meneliti hujah-hujah dan pandangan seperti berikut:*

- (a) dalam kitab Manahil al-‘Irfan dinyatakan:*

يجب عند ترجمة القرآن بهذا المعنى إلى أية لغة أن تكتب الآيات القرآنية

Maksudnya: “Dalam penterjemahan al-Quran dengan pengertian ini (terjemah makna/tafsir) ke dalam apa jua bahasa, wajib ditulis ayat-ayat al-Quran” (al-Zurqani, t.t.: 2/134);

- (b) dalam kitab *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*, pengarangnya menyebut bahawa antara syarat-syarat penterjemahan *al-Quran* ialah:

أن يكتب القرآن أولاً، ثم يؤتى بعده بتفسيره، ثم يتبع هذا بترجمته التفسيرية

Maksudnya: “Hendaklah ditulis *al-Quran* terlebih dahulu, kemudian dibawakan tafsirannya, kemudian diikuti dengan terjemahannya secara tafsir” (Muhammad Hussain al-Zahabi, t.t.: 1/24);

- (c) kewujudan suatu buku terjemahan *al-Quran* tanpa teks asal *al-Quran* akan membawa kepada anggapan bahawa buku tersebut adalah *al-Quran* yang merupakan kalam Allah, tetapi dalam Bahasa Arab dan bersifat maksum iaitu terpelihara daripada segala kekurangan dan kesilapan;
- (d) kewujudan buku terjemahan *al-Quran* tanpa teks *al-Quran* boleh membawa fahaman kepada orang awam bahawa membaca buku terjemahan *al-Quran* tersebut sebagai bacaan seperti membaca *al-Quran*. Sedangkan membaca *al-Quran* selain Bahasa Arab adalah tidak dibenarkan.

Al-Nawawi menyebut:

مَذْهَبُنَا أَنَّهُ لَا يَجُوزُ قِرَاءَةُ الْقُرْآنِ بِغَيْرِ لِسَانِ الْعَرَبِ سَوَاءً أَمَكَّنَهُ الْعَرَبِيَّةُ أَوْ عَجَزَ عَنْهَا وَسَوَاءً كَانَ فِي الصَّلَاةِ أَوْ غَيْرِهَا

Maksudnya: “Dalam mazhab kita (Shafi’i) tidak harus membaca *al-Quran* dalam bahasa selain Bahasa Arab, sama ada seseorang itu mampu berbahasa Arab atau tidak mampu, dan sama ada di dalam sembahyang atau pun di luar sembahyang” (*Al-Nawawi*, t.t.: 3/379);

- (e) membaca terjemahan *al-Quran* tanpa disertakan dengan teks asal *al-Quran* akan mendorong masyarakat awam meninggalkan daripada membaca teks asal *al-Quran*.
- (v) sehubungan dengan itu, berasaskan kepada pertimbangan antara masalah dan mafsadah dalam isu ini, mesyuarat berpandangan sisi mafsadah lebih terserlah, maka mesyuarat memutuskan bahawa penerbitan dan pengedaran terjemahan *al-Quran* tanpa teks asal *al-Quran* adalah dilarang.

Dated 20 December 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO’ SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Mufti State Government
Penang

اينكمن قنڊبيرن اڳام اسلام

(نڱري ڦولاو ڦينڱ) 2004

فتوى دباوه سيڪشن 48

فڊ منجاننڪن ڪواس يڱ دبيريڪن اوليه سيڪشن 48 اينڪمن قنڊبيرن اڳام اسلام (نڱري ڦولاو ڦينڱ) [اينڪمن 2]، اتس ڦر ڪنن يڱ دفرتوان اڱو غ، جاوتنڪواس فتوى نڱري ڦولاو ڦينڱ، ممبوات فتوى يڱ دپاتانڪن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڱنءاي ڦنڊبيرتن ترجمهن القرآن تنڦا تيڪ س القرآن

مشوارت جاوتنڪواس فتوى نڱري ڦولاو ڦينڱ بيلاغ 2017/5 تله ممبينڱنڪن مڱنءاي ايسو ڦنڊبيرتن ترجمهن القرآن تنڦا تيڪ س القرآن دان مموتوسڪن سڦرتي يڱ بريڪوت:

i. ترجمهن معنا ايات-ايات القرآن دالم ڦنوليسن سڦرتي بوڪو اڳام، اخبار، جورنل، مجله، دان ساومقامن تنڦا دسرتانڪن برسام تيڪ س اصل القرآن دالم بهاس عرب اداله دهاروسڪن. ترجمهن ترسبوت اداله ساتو بنڦوت ڦنڊبيرن معنا ايات-ايات القرآن، دان ڦنڊبيرن ايات-ايات القرآن اداله دهاروسڪن سچارا ڪسڦاڪتن علماء؛

ii. ترجمهن ايات-ايات القرآن دالم بنڦوت سڦرتي اين جوڪ اداله سباڪاي ڪترغن دان ڦڱهوجهن ترهادف اف يڱ ترڪنڊوڱ ددالم ڦنوليسن، دان بوڪنڱن برمقصود اي اداله ڪلام الله يڱ دباڄ. جوسرتو، تيڊق اد هالڱن دري سودوت شرع اونڦوت ممبوا ترجمهن ايات-ايات القرآن دالم ڦنوليسن تنڦا دسرتانڪن تيڪ س اصل ايات القرآن؛

iii. والاو باڱايمانافون اداله لبيه دڱالڪن اونڦوت مپرتانڪن سڪالي تيڪ س اصل القرآن يڱ دالم بهاس عرب ڪچوالي ڄڪ دبمبڱي اي اڪن منڄمرڪن ڪمولياعن دان ڪسوچين ايات-ايات القرآن، سڦرتي ڦنوليسن ددالم بوڪو-بوڪو اڳام، سورات خبر، جورنل، مجله اتو ساومقاما دڱن؛

iv. ماناڪالا ڦنڊبيرتن دان ڦڱيدرن ترجمهن القرآن تنڦا تيڪ س اصل القرآن، مشوارت تله منليتي ڄهه-ڄهه دان ڦنڊن سڦرتي بريڪوت:

(a) دالم ڪتاب مناهل العرفان دپتانڪن:

يجب عند ترجمة القرآن بهذا المعنى إلى أية لغة أن تكتب الآيات القرآنية

مقصودن: "دالم ڦنڊترجمهن القرآن دڱن ڦڱرتين اين (ترجمه معنا/تفسير) ڪدالم اف جوا بهاس، واجب دتوليس

ايات-ايات القرآن" (الزرقاني : 134/2)؛

(b) دالم كتاب التفسير والمفسرون، فغار غن ميبوت بهاوا انتارا شرط-شرط فترجمهن القرآن اياه:

أن يكتب القرآن أولاً، ثم يؤتى بعده بتفسيره، ثم يتبع هذا بترجمته التفسيرية

مقصودن: "هذه نقله لتوليس القرآن تربيته دهولو، كمودين دباواكن تفسيرنن، كمودين دايكوتي دغن ترجمهنن سچارا تفسير" (محمد حسين الذهبي: 24/1)؛

(c) كوجودن سواتو بوكو ترجمهن القرآن تنفا تيك س اصل القرآن اكن ممباوا كغد اغثن بهاوا بوكو ترسبوت اداله القرآن يغ مروفاكن كلام الله، تتافي بوكن دالم بهاس عرب دان برصيفة معصوم ياءيت ترقيهارا درقد سكال ككور غن دان كسبلن؛

(d) كوجودن بوكو ترجمهن القرآن تنفا تيك س اصل القرآن بوليه ممباوا فهمن كغد اورغ عوام بهاوا ممباچ بوكو ترجمهن القرآن ترسبوت سبكي باچاين سقرتي ممباچ القرآن. سدغن ممباچ القرآن سلاين بهاس عرب اداله تيدق دينركن.

النواوى ميبوت:

مَذْهَبُنَا أَنَّهُ لَا يَجُوزُ قِرَاءَةُ الْقُرْآنِ بِغَيْرِ لِسَانِ الْعَرَبِ سَوَاءً أَمَكُنَهُ الْعَرَبِيَّةُ أَوْ عَجَزَ عَنْهَا وَسَوَاءً كَانَ فِي الصَّلَاةِ أَوْ غَيْرِهَا

مقصودن: "دالم مذهب كيت (الشافعي) تيدق هاروس ممباچ القرآن دغن بهاس سلاين بهاس عرب. سام اد سساورغ ايت ممقو، دان سام اد ددالم سمبيغ اتو فون دلوار سمبيغ" (النواوى: 379/3)؛

(e) ممباچ ترجمهن القرآن تنفا دسرتاكن دغن تيك س اصل القرآن اكن مندوروغ مشاركت عوام منيغكلكن درقد ممباچ تيك س اصل القرآن.

v. سهوبوغن دغن ايت، براساكن كغد فريميغن انتارا مصلحه دان مفسدة دالم ايسو اين، مشوارت برقدغن سيسي مفسدة لبيه ترسرله، مك مشوارت مموتوسكن بهاوا فتربيتن دان فغيردن ترجمهن القرآن تنفا تيك س اصل القرآن اداله دلارغ.

دبوات 20 ديسيمبر 2018

[JMNPP(S)/19/1101/002 (33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]



داتوء سري دكتور وان سالم بن وان محمد نور

مفتي

كراجاين نكري قولواو فينيغ

No. 292.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI PEMBINAAN MASJID DARI DANA LOTERI
KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN SOLAT DI DALAMNYA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2017 telah membincangkan mengenai isu Pembinaan Masjid Dari Dana Loteri Kebajikan Masyarakat Dan Solat Di Dalamnya dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) setelah meneliti keterangan serta hujah dan dalil yang dinyatakan, maka mesyuarat memutuskan bahawa hukum membina masjid daripada sumber yang haram seperti Dana Loteri Kebajikan Masyarakat adalah haram. Manakala solat di masjid tersebut adalah sah dan memperolehi pahala, *in shaa Allah*.
- (ii) walau bagaimanapun, masjid yang sudah dibina daripada sumber yang haram adalah harus digunakan seperti masjid-masjid yang lain. Ini berdasarkan kaedah:

يَغْتَفِرُ فِي الْبَقَاءِ مَا لَا يَغْتَفِرُ فِي الْإِبْتِدَاءِ

Maksudnya: “*Dimaafkan (diampunkan) pada penerusan apa yang tidak dimaafkan (diampunkan) pada permulaan*”.

(*Al-Qawaid al-Fiqhiyah wa Tadbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*,

Dr. Muhammad Mustafa *al-Zahaili*); dan

- (iii) wang daripada sumber haram atau tidak patuh syariah yang hendak dibersihkan, apabila pelakunya telah bertaubat, mestilah disalurkan kepada masalah orang Islam seperti pembinaan jambatan, pondok, masjid, jalan raya, sekolah, hospital dan seumpamanya. Jika tidak boleh maka disalurkan kepada orang-orang fakir dan miskin di kalangan orang Islam. Hasil haram yang telah disalurkan tersebut, adalah halal dan baik bagi golongan tersebut.

Bertarikh 20 Disember 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR

*Mufti Kerajaan Negeri
Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [Enactment 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the Fatwa Committee for the State of Penang, makes the fatwa as set out in the Schedule.

SCHEDULE

FATWA MENGENAI PEMBINAAN MASJID DARI DANA LOTERI
KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN SOLAT DI DALAMNYA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2017 telah membincangkan mengenai isu Pembinaan Masjid Dari Dana Loteri Kebajikan Masyarakat Dan Solat Di Dalamnya dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) setelah meneliti keterangan serta hujah dan dalil yang dinyatakan, maka mesyuarat memutuskan bahawa hukum membina masjid daripada sumber yang haram seperti Dana Loteri Kebajikan Masyarakat adalah haram. Manakala solat di masjid tersebut adalah sah dan memperoleh pahala, in shaa Allah.*
- (ii) walau bagaimanapun, masjid yang sudah dibina daripada sumber yang haram adalah harus digunakan seperti masjid-masjid yang lain. Ini berdasarkan kaedah:*

يغفر في البقاء ما لا يغفر في الابتداء

Maksudnya: “Dimaafkan (diampunkan) pada penerusan apa yang tidak dimaafkan (diampunkan) pada permulaan”.

(Al-Qawaid al-Fiqhiyah wa Tadbiquatuha fi al-Mazahib al-Arba’ah, Dr. Muhammad Mustafa al-Zahaili); dan

- (iii) wang daripada sumber haram atau tidak patuh syariah yang hendak dibersihkan, apabila pelakunya telah bertaubat, mestilah disalurkan kepada masalah orang Islam seperti pembinaan jambatan, pondok, masjid, jalan raya, sekolah, hospital dan seumpamanya. Jika tidak boleh maka disalurkan kepada orang-orang fakir dan miskin di kalangan orang Islam. Hasil haram yang telah disalurkan tersebut, adalah halal dan baik bagi golongan tersebut.*

Dated 20 December 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO’ SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Mufti State Government
Penang

اینکمن فتدبیرن اکام اسلام

(نکري قولو ڦينځ) 2004

فتوى دباوه سيکشن 48

قد منجانکن کواس یغ دبیرکن اولیه سیکشن 48 اینکمن فتدبیرن اکام اسلام (نکري قولو ڦينځ) [اینکمن 2]، اتس فر کنن یغ دفتوتوان اځوځ، جاوتنکواس فتوى نکري قولو ڦينځ، ممبوات فتوى یغ دپاتاکن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مغناي ڦمبينان مسجد دري دانا لوتري کباچيکن مشارکت دان صلاة ددالمث

مشاورت جاوتنکواس فتوى نکري قولو ڦينځ بيلاغ 2017/6 تله ممبنيچکن مغناي ايسو ڦمبينان مسجد دري دانا لوتري کباچيکن مشارکت دان صلاة ددالمث دان مموتوسکن سڦرتي یغ بريکوت:

i. سنله منليتي کترغن سرتا حجه دان دليل یغ دپاتاکن، مک مشاورت مموتوسکن بهاوا، حکوم ممبينا مسجد درقد سومبر یغ حرام سڦرتي دانا لوتري کباچيکن مشارکت اداله حرام. مان کالا صلاة دمسجد ترسبوت اداله صح دان ممقر اوليهي ڦهالا، ان شاء الله؛

ii. والو باکليمانافون، مسجد یغ سوده دبينا درقد سومبر یغ حرام اداله هاروس دگونکن سڦرتي مسجد-مسجد یغ لاءين. اين برداسرکن قاعده:

يغتفر في البقاء ما لا يغتفر في الابتداء

مقصودن: "دمعافکن (دامفونکن) قد ڦتروسن اف یغ تيدق دمعافکن (دامفونکن) قد ڦرمولان".

(القواعد الفقهية وتطبيقاتها في المذهب الأربعة، دوكتور محمد مصطفى الزحيلي) ؛ دان

iii. واغ درقد سومبر حرام اتاو تيدق ڦاتوه شريعة یغ هندق دبرسیهکن، اڦابيللا ڦلاکون تله برتوبه، مستبيله دسلورکن کڦد مصلحت اورغ اسلام سڦرتي ڦمبينان جمبتن، فوندوق، مسجد، جالن رای، سکوله، هوسڦيتل دان ساومقامان. جک تيدق بوليه مک دسلورکن کڦد اورغ-اورغ فقير دان میسکين د کالغن اورغ اسلام. حاصیل حرام یغ تله دسلورکن ترسبوت، اداله حلال دان بايق باکي کولوغن ترسبوت.

ديوات 20 ديسيمبر 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002 (33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]



داتوء سري وان سالم بن وان محمد نور

مفتي

کراجاين نکري قولو ڦينځ

No. 293.**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004****FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL**FATWA MENGENAI STATUS TAPAK MASJID PERMATANG PAUH DI
SEBAHAGIAN LOT 321, 322 DAN 323, MUKIM 4,
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2018 telah membincangkan mengenai isu Status Tapak Masjid Permatang Pauh Di Sebahagian Lot 321, 322 Dan 323, Mukim 4, Daerah Seberang Perai Tengah dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) keseluruhan tapak masjid dengan keluasan yang munasabah adalah diiktiraf sebagai tanah yang telah diwakafkan untuk tujuan masjid.
- (ii) status Tanah Lot 323, GM 197, Mukim 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang (Masjid Jamek Permatang Pauh) adalah tanah wakaf.

Bertarikh 20 Disember 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR

*Mufti Kerajaan Negeri
Pulau Pinang*

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004****FATWA UNDER SECTION 48**

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [Enactment 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the Fatwa Committee for the State of Penang, makes the fatwa as set out in the Schedule.

SCHEDULE**FATWA MENGENAI STATUS TAPAK MASJID PERMATANG PAUH DI
SEBAHAGIAN LOT 321, 322 DAN 323, MUKIM 4,
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2018 telah membincangkan mengenai isu Status Tapak Masjid Permatang Pauh Di Sebahagian Lot 321, 322 Dan 323, Mukim 4, Daerah Seberang Perai Tengah dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) *keseluruhan tapak masjid dengan keluasan yang munasabah adalah diiktiraf sebagai tanah yang telah diwakafkan untuk tujuan masjid.*

- (ii) *status Tanah Lot 323, GM 197, Mukim 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang (Masjid Jamek Permatang Pauh) adalah tanah wakaf.*

Dated 20 December 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
*Mufti State Government
 Penang*

اینکمن فتندبیرن اکام اسلام

(نکري فولاو ڦينغ) 2004

فتوى دباوه سيکشن 48

قد منجالتکن کواس یغ دبریکن اولیه سیکشن 48 اینکمن فتندبیرن اکام اسلام (نکري فولاو ڦينغ) [اینکمن 2]، اتس ڦر کنن یغ دڦرتوان اکوځ، جاوتنکواس فتوى نکري فولاو ڦينغ، ممبوات فتوى یغ دپاتاکن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مځناي ستاتوس تافق مسجد ڦرمانځ ڦاوه دسپهاکين لوت 321، 322 دان 323

مقيم 4، داعيره سبرغ ڦراي تغه


مشوارت جاوتنکواس فتوى نکري فولاو ڦينغ بېلاځن 2018/1 تله ممبېځنک مځناي ايسو ستاتوس تافق مسجد ڦرمانځ ڦاوه دسپهاکين لوت 321، 322 دان 323 مقيم 4، داعيره سبرغ ڦراي تغه دان مموتوسکن سڦرتي بريکوت:

i. کسلوروهن تافق مسجد دغن کلواسن مناسبه اداله داعتراف سباکاي تانه یغ تله دوقفکن اونتوق تجوان مسجد.

ii. ستاتوس تانه لوت 323، GM 197 مقيم 4، داعيره سبرغ ڦراي تغه، نکري فولاو ڦينغ (مسجد جامع ڦرمانځ ڦاوه) اداله تانه وقف.

دبوات 20 ديسيمبر 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002 (33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]



داتوء سري دکتور وان سالم بن وان محمد نور

مفتی

کراجاين نکري فولاو ڦينغ

No. 294.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

**ANGGARAN PENDAPATAN DAN BELANJAWAN
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2019**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 82(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, meluluskan Anggaran Pendapatan dan Belanjawan tahun 2019 bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang seperti yang dinyatakan dalam Jadual:

JADUAL

ANGGARAN PENDAPATAN

	(RM)	(RM)
(a) Zakat Pulau Pinang	117,079,802.00	
(b) Bahagian Pentadbiran	5,224,693.00	
(c) Bahagian Wakaf	5,866,473.00	
(d) Bahagian Sumber Am	4,903,330.00	
Jumlah Pendapatan		133,074,298.00

ANGGARAN BELANJAWAN

(a) Zakat Pulau Pinang	121,345,446.00	
(b) Bahagian Pentadbiran	4,262,700.00	
(c) Bahagian Wakaf	4,596,673.00	
(d) Bahagian Sumber Am	4,711,786.00	
Jumlah Perbelanjaan		134,916,605.00
Lebih/(Kurangan)		1,842,307.00

Diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 15 November 2018.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

ESTIMATES OF INCOME AND EXPENDITURE OF
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG FOR THE YEAR 2019

